

•Teknologi penanaman padi

Bakal tingkatkan pendapatan petani

NUR AIN OTSMAN

GEDONG: Pendapatan petani di Gedong akan meningkat sehingga 60 peratus sekiranya mengaplikasikan teknologi seperti kajian yang dijalankan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam penanaman padi di Lubok Punggor di sini.

Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg berkata sekiranya teknologi terus diguna pakai dalam penanaman padi ini, ia akan mem-

beri hasil dan pendapatan yang lebih banyak daripada apa yang petani ada sekarang.

“Kalau padi ini dihasilkan melalui teknologi dan sistem daripada hasil kajian bersama UPM, maka pendapatan para petani dijangka meningkat kepada RM6,400 sehektar sebulan.

“Jadi, jumlah gaji ini secara langsung meletakkan mereka (petani) dalam kategori golongan berpendapatan sederhana sekali gus mengeluarkan mereka daripada kepompong

kemiskinan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Projek Agrihub @Gedong di sini, semalam.

Abang Johari yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Gedong berkata, kerajaan Sarawak telah memperuntukkan sejumlah dana untuk meningkatkan jaringan infrastruktur pengairan dan saliran di kawasan penanaman padi bagi meningkatkan lagi peratusan kejayaan dan hasil tuaian padi di daerah ini.

“Kita telah meluluskan sebanyak RM30 juta untuk menaik taraf parit dan tali air kerana kita mahu pengairan yang baik di kawasan penanaman padi.

“Dengan ada model di Lubok Punggor, kita boleh mengira awal kos untuk menaik taraf sistem pengairan di kawasan-kawasan lain khususnya dari sudut parit dan tali air,” katanya.

Justeru katanya, ini akan membolehkan pengeluaran padi di seluruh Sarawak lebih banyak dan meningkatkan lagi pendapatan petani.



UNIT KOMUNIKASI AWAM SARAWAK

MESYUARAT... Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg dan tetamu kehormat lain merakam gambar sebelum mempengerusikan mesyuarat Projek Agrihub @Gedong di Gedong, semalam. • Foto UKAS